

BROVENT SYRUP

Bromhexine hydrochloride (8mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Brovent Syrup
2. Bagaimana Brovent Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Brovent Syrup
4. Cara menggunakan Brovent Syrup
5. Semasa menggunakan Brovent Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Brovent Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Brovent Syrup

Brovent Syrup digunakan untuk mengurangkan kepekatan kahak.

Bagaimana Brovent Syrup berfungsi

Brovent Syrup mengandungi bromhexine yang dapat mengurangkan kepekatan kahak dan ia juga meningkatkan rembesan lendir (*mucus*).

Bromhexine juga berfungsi sebagai ekspektoran, iaitu membantu dalam proses pambuangan kahak.

Sebelum menggunakan Brovent Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Brovent Syrup jika anda alah kepada bromhexine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Brovent Syrup

- Berbincang dengan doktor anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai keadaan berikut:
 - penyakit asma
 - penyakit hati atau buah pinggang yang teruk
 - ulser perut

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.
- Rujuk doktor anda jika anda sedang mengambil antibiotik kerana bromhexine boleh mempengaruhi proses penyerapan antibiotik ke dalam badan.

Cara menggunakan Brovent Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa: 5 - 10 ml (1-2 sudu teh)
- Kanak-kanak (6 - 12 tahun): 2.5 - 5 ml (setengah sudu hingga 1 sudu teh)

- Bila perlu digunakan

Untuk diminum 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Brovent Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan ambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Brovent Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

- Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Brovent Syrup.
- Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Brovent Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Pengambilan bromhexine boleh meningkatkan rembesan mukus
- Rujuk doktor anda jika simptom berlarutan lebih daripada 14 hari, atau jika gejala bertambah teruk walaupun anda telah mengambil produk ini seperti diarahkan oleh doktor.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Brovent Syrup juga mempunyai kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Brovent Syrup boleh menyebabkan alergi teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan Brovent Syrup dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera sekiranya anda mengalami gejala yang berikut:

- Reaksi alahan, termasuk pembengkakan pada mata, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesukaran untuk menelan atau bernafas.
- alahan teruk: sukar bernafas, pening kepala, kulit bengkak atau ruam

BROVENT SYRUP

Bromhexine hydrochloride (8mg/5ml)

- reaksi kulit yang teruk: kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.
- gatal-gatal (hives)
- loya, sakit perut, muntah, dan cirit-birit
- sakit kepala
- Kencing dengan tidak sengaja semasa tidur pada waktu malam.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Brovent Syrup

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang jauh daripada cahaya matahari.

Goncang sebelum minum.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap yang jernih dan berwarna kuning. Berbau seperti perisa buah-buahan dan mempunyai rasa yang manis.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bromhexine hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Tween 80, Tutti fruity, Quinoline yellow, Propylene glycol, purified water, sugar, liquid glucose

- Nombor MAL:

MAL19940582XCZ

Pengilang

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
(445695-T)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

02/09/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)180821/00068